KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	13/12/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	TNB			

BH 13.12.2021_20

Sekolah SRI Seremban dilengkapi panel solar

Seremban: Sekolah SRI Seremban, di sini, mencipta sejarah tersendiri apabila muncul sekolah pertama di negeri ini dilengkapi panel solar ke arah melestarikan tenaga hijau.

Inisiatif itu yang menjadi mercu tanda Sekolah SRI Seremban, dilaksanakan menerusi perjanjian Pembekalan-Tenaga Boleh Diperbaharui antara sekolah berkenaan dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan GSPARX.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata kerajaan negeri amat mengalu-alukan kolaborasi antara pelbagai pihak bagi meningkatkan lagi inisiatif penjanaan tenaga boleh diperbaharui.

Beliau berkata, sistem itu mempunyai kapasiti sebanyak 439.53 kilowatt peak power (kWp) yang mampu menjana 641,000 kilowatt/jam (kWh) setahun.

"Saya dimaklumkan kerja pemasangan sistem ini bermula 1 Januari lalu dan siap sepenuhnya pada 26 Oktober membabitkan 966 panel serta lapan unit inverter.

"Sistem ini direalisasikan melalui program Solar Energy Purchasing (SEP) TNB yang mana pemasangan dan pengurusan sistem solar dilaksanakan oleh pihak kontraktor.

"Pemasangan sistem ini juga membolehkan Sekolah SRI Seremban menggunakan tenaga terhasil dan mengeksport tenaga berlebihan ke grid TNB bagi menikmati penjimatan berganda," katanya ketika merasmikan Sistem Solar Sekolah SRI Seremban, di sini, kelmarin.

Aminuddin berkata, pihaknya yakin dan percaya projek itu adalah trend ke hadapan untuk menangani isu perubahan iklim dan pembangunan mampan, justeru segala inisiatif hijau perlu diketengah serta dimajukan.

"Saya percaya pemasangan sistem solar ini dapat membantu merealisasikan pendidikan al-hikmah yang menjadi teras pendidikan Sekolah SRI Seremban," katanya.

Malah bawah inisiatif itu, beliau berkata, sekolah terbabit tidak perlu mengeluarkan sebarang kos untuk pemasangan sistem solar berkenaan.



Aminuddin merasmikan Sistem Solar Sekolah SRI Seremban, semalam.
(Foto Ihsan Pejabat MB)